

Soalan Objektif

A Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.


- Para pelancong berpeluang _____ udara segar jika berkunjung ke Tanah Tinggi Cameron.
A menghirup C menjamah
B menghidu D mengucup
- Azlan suka makan taukeh _____ walaupun rasanya agak maung.
A masak-masak C muda-muda
B mentah-mentah D tua-tua
- Emak terpaksa menukarkan kasut yang dibelinya kerana kasut itu terlalu _____.
A luas C longgar
B lebar D lapang
- Peniaga kedai peralatan elektrik itu sangat baik hati kerana menyediakan khidmat selepas jualan kepada _____.
A penggunaanya
B pelanggannya
C penerimaanya
D penumpangnya
- Murid yang tinggal di asrama tidak _____ keluar dari kawasan asrama tanpa kebenaran warden.
A boleh C perlu
B dapat D hendak
- Mustaffa dipilih menjadi penjaga gol pasukan bola sepak sekolahnya kerana badannya yang _____.
A kurus kering
B gagah berani
C besar panjang
D tinggi lampai

Soalan 7 berdasarkan gambar di bawah.



- Pak Cik Masdi memikul _____ pisang yang diambil dari kebunnya.
A setandan C sepapan
B sesikat D setongkol

Soalan 8 berdasarkan gambar di bawah.



- Sesudah subuh, Pak Seman akan pergi _____ getah.
A meraut C menoreh
B mengelar D mengupas

B Ayat-ayat yang berikut mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B, atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D.

Pilih jawapan yang paling sesuai.

- Budris mengemukakan cadangan itu untuk _____
A
mengelakkan kejadian banjir mengulang lagi di _____
B C
Kampung Dandan Setia. Tiada kesalahan.
D
- Ayah bersusah payah mengumpulkan wang _____
A
sedikit demi sedikit untuk menunaikan haji.
B C
Tiada kesalahan.
D
- Saleha tinggal di Kajang tetapi berulang-alik ke _____
A B
Seremban kerana dia bekerja di sana.
C
Tiada kesalahan.
D
- Pasukan polis telah mendapat penunjuk baharu _____
A B
bagi kes rompak mesin ATM di Serdang.
C
Tiada kesalahan.
D



5. Oleh sebab turun dari bas dengan tergesa-gesa,
A B

Zaki tercicir akan dompetnya. Tiada kesalahan.
C D

6. Tiap-tiap petang, bas-bas sekolah pasti
A B

berderet-deretan di depan pintu pagar sekolah
C
kami. Tiada kesalahan.
D

7. Hujan lebat yang berterusan selama tiga hari
itu mengakibatkan Sungai Pahang melimpah
A B

sehingga melempi paras bahaya.
C
Tiada kesalahan.
D

8. Ketuhar gelombang mikro itu telah dihantar ke
A

kedai untuk diperbaiki kerana terdapat kerosakan.
B C
Tiada kesalahan.
D

C Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

1. I Semangatnya untuk memenangi pertandingan itu sangat *kuat*.
II Hazwan orang *kuat* Datuk Zamri yang terkini.
III Emak menyediakan banyak makanan kerana tahu adik *kuat* makan.
IV Kualiti kertas jenama itu amat *kuat* menyebabkan saya suka membelinya.
A I dan IV sahaja C I, II, dan III sahaja
B II dan III sahaja D II, III, dan IV sahaja
2. I Kakak berjaya menyiapkan tiga *buku* bantal setiap hari.
II Zainal tercedera di *buku* lali sewaktu bermain bola keranjang.
III Pak Lasam telah menjual sepuluh *buku* tembakau kepada pemborong.
IV *Buku* akaun simpanan Amanah Saham Bumiputera Adira dipegang ibunya.
A I dan IV sahaja C I, II, dan III sahaja
B II dan III sahaja D II, III, dan IV sahaja
3. I Biskut yang dibuatnya *naik* dengan elok.
II Usia kita sentiasa *naik* tahun demi tahun.

- III Muka Zahira *naik* merah apabila diusik oleh kawan-kawannya.

- IV Gunung Kinabalu sudah saya *naik* tahun lepas.

- A I dan IV sahaja C I, II, dan III sahaja
B II dan III sahaja D II, III, dan IV sahaja

4. I Dia tidak akan pulang ke rumah sebelum *menjelaskan* kerja-kerja di pejabatnya.
II Farhana sedang *menjelaskan* warna gambar televisyen supaya lebih terang.
III Kadir segera *menjelaskan* semua bilnya apabila mendapat gaji.
IV Jurujual itu sedang *menjelaskan* kelebihan produk kecantikan syarikatnya kepada seorang pembeli.
A I dan IV sahaja C I, II, dan III sahaja
B II dan III sahaja D II, III, dan IV sahaja

5. I Ruang tamu rumahnya sangat *lapang* membuatkan tetamu berasa selesa.
II *Lapang* fikiran Anita setelah menyiapkan semua tempahan baju pelanggannya.
III "Jika awak ada masa *lapang* jemputlah ke rumah saya," kata Rania kepada Farah.
IV Liza membiarkan makanan di atas meja itu *lapang* tanpa menutupnya dengan tudung saji.
A I dan IV sahaja C I, II, dan III sahaja
B II dan III sahaja D II, III, dan IV sahaja

D Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat yang berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa dan mungkin juga tidak. Tandakan sama ada A, B, atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

1. Kami saling kunjung-mengunjungi pada hari raya untuk mengeratkan hubungan.
A mengunjungi
B berkunjung
C saling mengunjungi
D saling kunjung-mengunjungi
2. Encik hendak ke pasar dan pasar raya? tanya pemandu teksi yang keliru itu kepada Encik Rosli semula.
A ke pasar atau pasar raya
B ke pasar atau ke pasar raya
C ke pasar dan ke pasar raya
D ke pasar dan pasar raya
3. Telefon bimbit itu dihadiahkan oleh ayah kepada nenek.
A ayah hadiahkan
B ayah hadiahhi
C dihadahi oleh ayah
D dihadiahkan oleh ayah